



بجلیس دائره ڳریک

MAJLIS DAERAH GERIK

Jalan Haji Meor Yahaya, 33300 Gerik, Perak
Tel : 05-7912305, 05-7911686 Faks : 05-7912288 E-mel : mdg@gerik.gov.my
Portal rasmi: www.gerik.gov.my

Bil. (81) dlm. M.D.Gk. (P) 13/84 Pt. IX 30/2001 (Jld. 2)

NOTIS KERJA SEBUT HARGA MAJLIS DAERAH GERIK BIL 1/2022

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU) dalam Gred/Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja-kerja berikut :-

- **SEPERTI DI LAMPIRAN A YANG BERKEPIL** -

2. Borang-borang sebut harga akan dikeluarkan kepada kontraktor atau wakilnya yang sah sahaja. Kontraktor atau wakilnya hendaklah membawa **dokumen ASAL Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** serta **Sijil Taraf Bumiputera**.
3. Segala butiran kerja serta borang sebut harga boleh dibeli semasa waktu pejabat di **Jabatan Kejuruteraan, Majlis Daerah Gerik** mulai dari **07/04/2022** hingga **14/04/2022** dengan bayaran seperti dinyatakan. **LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN**. Hanya kontraktor yang menyertai lawatan tapak sahaja dibenarkan membeli borang sebut harga.

Waktu Kaunter Jualan :

Isnin - Khamis	8.15 pg – 12.00 tgh	Jumaat	8.15 pg – 12.00 tgh
	2.15 ptg – 4.00 ptg		3.00 ptg – 4.00 ptg

** Tidak termasuk cuti am

4. **Semua borang sebut harga dan Profail Syarikat** yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di pejabat ini tidak lewat atau pada jam **12.00 tengahari** pada hari **JUMAAT** bertarikh **15/04/2022**. **Profail Syarikat hendaklah lengkap mengandungi Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan serta Sijil Taraf Bumiputera, senarai pengalangan kerja, 3 bulan terakhir penyata bank/kewangan syarikat, organisasi syarikat dan lain-lain maklumat penting.**
5. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawarkan atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan kesalahan jenayah di bawah **AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997**.
6. Sekiranya mana-mana pihak ada menawarkan atau memberi apa-apa rasuah suapan kepada mana-mana Anggota Pentadbiran Awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan segera ke Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan kesalahan jenayah di bawah **AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997**.
7. Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenarai hitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah **AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997**.

8. Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada bayaran berkaitan ini walaupun kerja dibuat atau tiada barang yang dibekalkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah **AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997**.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

~~Saya yang menjalankan amanah,~~


(MOHD ZAIRASYAHLI SHAH BIN ZAKARIA;SMP, AMP, AAP)

Yang Dipertua
Majlis Daerah Gerik

Bertarikh : **29 MAC 2022**

PERINGATAN KEPADA KONTRAKTOR

LAWATAN TAPAK

1. **HANYA PENAMA DALAM DAFTAR SIJIL CIDB & PKK SAHAJA YANG DIBENARKAN MEMBUAT LAWATAN TAPAK. WAKIL KONTRAKTOR ADALAH TIDAK DIBENARKAN.**

MEMBELI BORANG SEBUT HARGA

1. **HANYA KONTRAKTOR YANG MENGHADIRI LAWATAN TAPAK SAHAJA YANG AKAN DI BENARKAN MEMBELI BORANG.**
2. **SEMUA KONTRAKTOR YANG HENDAK MEMBELI BORANG HENDAKLAH MENYERTAKAN SIJIL ASAL PKK & CIDB YANG SAH DAN KAD PENGENALAN ASAL KONTRAKTOR SEMASA HENDAK MEMBELI BORANG SEBUTHARGA. HANYA PENAMA YANG SAMA SAHAJA DALAM SIJIL PKK, CIDB DAN KAD PENGENALAN SAHAJA YANG DIBENARKAN UNTUK MEMBELI BORANG.**
3. **BAGI WAKIL KONTRAKTOR HENDAKLAH DISERTAKAN SURAT WAKIL KONTRAKTOR YANG SAH, DITANDATANGANI OLEH KONTRAKTOR ASAL DAN MENYERTAKAN NAMA PENUH DAN NOMBOR KAD PENGENALAN ORANG YANG DIWAKILKAN DALAM SURAT BERKENAAN DAN HENDAKLAH JUGA MEMBAWA SIJIL ASAL PKK DAN CIDB KONTRAKTOR DAN KAD PENGENALAN ASAL ORANG YANG DIWAKILKAN SEMASA HENDAK MEMBELI BORANG SEBUTHARGA.**
4. **SEMUA SIJIL HENDAKLAH MASIH SAH SERTA TARIKH LUPUT TIDAK KURANG TIGA (3) BULAN DARI TARIKH IKLAN SEBUT HARGA IAITU PADA ATAU MELEBIHI 28 JUN 2022.**

LAMPIRAN A

NOTIS KERJA SEBUT HARGA MAJLIS DAERAH GERIK BIL 1/2022

Bil.	TAJUK KERJA	GREED	KATEGORI/ PENG- KHUSUSAN	HARGA SENASKHAH	LAWATAN TAPAK
1.	MEMBAIKPULIH TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL DI JALAN AIR GANDA, GERIK	G2	CE / CE01 & CE21 *(KEBENARAN KHAS TIDAK DITERIMA)	RM 20.00	* DI WAJIBKAN pada 6 April 2022 (Rabu), Pendaftaran di Jabatan Kejuruteraan Majlis Daerah Gerik Pendaftaran : 9.00 pg – 10.00 pagi Taklimat Dan Lawatan Tapak Bermula : 10.10 pagi

***PERINGATAN PENTING**

1. **HANYA PENAMA** DALAM DAFTAR SIJIL PKK DAN CIDB SAHAJA YANG DIBENARKAN MEMBUAT LAWATAN TAPAK. **WAKIL KONTRAKTOR ADALAH TIDAK DIBENARKAN.**
2. KONTRAKTOR-KONTRAKTOR HENDAKLAH **WAJIB HADIR DALAM TEMPOH PENDAFTARAN IAITU 9.00 PAGI – 10.00 PAGI UNTUK SESI PENDAFTARAN** SEBELUM DIBENARKAN UNTUK MENDENGAR SESI TAKLIMAT DAN SETERUSNYA MENYERTAI SEBUT HARGA INI. **SEBARANG ALASAN KELEWATAN ADALAH TIDAK DITERIMA.**
3. PIHAK MAJLIS BERHAK MENOLAK PENYERTAAN KONTRAKTOR DALAM SEBUT HARGA INI SEKIRANYA GAGAL MEMATUHI PERKARA-PERKARA DI ATAS DAN SYARAT-SYARAT TAWARAN SEBUT HARGA YANG LAIN.
4. DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) INI SEMUA KONTRAKTOR SEMASA BERURUSAN DENGAN KAKITANGAN MAJLIS DAERAH GERIK HENDAKLAH :-
 - i. MENGAMALKAN PEMAKAIAN PENUTUP HIDUNG DAN MULUT.
 - ii. MENGAMALKAN PENJARAKAN FIZIKAL TIDAK KURANG SATU METER ANTARA SATU SAMA LAIN.
 - iii. MENGGUNAPAKAI ' HAND SANITIZER'.
 - iv. HANYA **SEORANG SAHAJA** DIBENARKAN MEMASUKI PEJABAT JABATAN KEJURUTERAAN MDG DALAM SATU-SATU MASA UNTUK SEBARANG URUSAN.